

SIARAN AKHBAR

Untuk Siaran Serta-Merta
Selasa, 24 Mei 2022

Sime Darby Berhad Laporkan Untung Bersih RM244 Juta Bagi S3

PETALING JAYA, 24 Mei 2022 – Sime Darby Berhad telah mencatatkan untung bersih RM244 juta bagi suku ketiga berakhir 31 Mac 2022 (S3 TK2022) berbanding RM300 juta pada suku yang sama tahun kewangan sebelumnya (S3 TK2021), yang turut mengambil kira keuntungan sekali saja berjumlah RM60 juta. Mengecualikan keuntungan sekali saja yang dicatatkan pada S3 TK2021, Kumpulan secara umumnya telah mengekalkan prestasinya bagi suku tahun yang dilaporkan.

Hasil bagi suku tahun tersebut menyusut sebanyak 4.1 peratus kepada RM10.6 bilion.

Untung bersih bagi S3 TK2022 adalah lebih rendah berbanding suku tahun yang sama tahun lepas memandangkan perniagaan teras Kumpulan, iaitu Perindustrian dan Automotif terjejas akibat gangguan berkaitan COVID-19 di China dan juga Australasia. Hal ini telah mengakibatkan sumbangan yang lebih rendah daripada bahagian Perindustrian Australasia, yang mengalami kos operasi yang lebih tinggi. Kemosrotan dalam aktiviti pembinaan di China, dan kekangan rantaian bekalan yang bertambah teruk ekoran konflik ketenteraan di Ukraine turut menjejaskan prestasi. S3 TK2021 turut mencatat keuntungan sekali saja berjumlah RM39 juta daripada pemulangan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) Singapura dan pembalikan kemosrotan bersih berjumlah RM21 juta bagi Eastern & Oriental Berhad.

Bagi tempoh sembilan bulan berakhir 31 Mac 2022 (9B TK2022), untung bersih turun kepada RM825 juta daripada setahun lepas dengan ketiadaan untung RM272

juta daripada pelupusan Tesco Malaysia, pemulangan GST Singapura dan pembalikan kemerosotan bersih berjumlah RM33 juta daripada jualan kepentingan dalam Eastern & Oriental Berhad.

Tanpa mengambil kira keuntungan sekali saja tersebut, untung bersih bagi tempoh sembilan bulan adalah lebih rendah terutamanya disebabkan sumbangan lebih kecil daripada bahagian Perindustrian, yang terus terkesan oleh penguncupan ketara dalam jualan industri peralatan berat di China, dan margin operasi lebih rendah di Australasia. Hasil merosot sebanyak 4.1 peratus kepada RM31.8 bilion bagi tempoh yang dilaporkan.

“Dari segi paras keuntungan teras bagi S3 TK2022, kami mencatatkan keputusan yang berdaya tahan walaupun dalam keadaan pasaran yang semakin sukar. Bahagian Automotif Malaysia antara yang mencatatkan prestasi cemerlang dengan peningkatan untung yang melebihi tiga kali ganda disebabkan peningkatan margin kenderaan, dan pendapatan lebih tinggi daripada operasi pemasangan. Pembukaan semula ekonomi dan harga komoditi yang kian meningkat akan menyokong perniagaan kami pada suku-suku tahun yang akan datang,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Berhad, Dato’ Jeffri Salim Davidson.

Walaupun berhadapan dengan cabaran yang berterusan dalam persekitaran perniagaan hari ini, prestasi Sime Darby terus disokong oleh lembaranimbangan yang kukuh, liputan geografi luas dan jenama yang berprestij. Kami kekal komited kepada strategi pertumbuhan jangka panjang kami dan akan terus memanfaatkan peluang untuk merasionalisasi portfolio dan menggiatkan lagi usaha mengukuhkan perniagaan teras kami dalam bidang Perindustrian dan Automotif,” kata Dato’ Jeffri.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Tan Yee Pheng

Komunikasi Kumpulan

Sime Darby Berhad

Tel: +60193816330

E-mel: tan.yee.pheng@simedarby.com

Mengenai Sime Darby Berhad

Sime Darby Berhad ialah rakan niaga pilihan bagi jenama-jenama berprestij dunia dalam sektor Perindustrian dan Automotif. Kami menjanjikan nilai lestari kepada pihak-pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan operasi, piawaian prestasi tinggi dan tadbir urus korporat yang baik. Sime Darby Berhad yang diasaskan pada 1910, hari ini mempunyai tenaga kerja kira-kira 20,000 kakitangan dan kehadiran di 19 negara di rantau Asia Pasifik. Syarikat ini tersenarai di pasaran utama Bursa Malaysia dengan modal pasaran berjumlah RM15.527 bilion (USD3.54 bilion) setakat pada 23 Mei 2022. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarby.com